

Kakitangan UMS ke Pensiangan 14-18 Mei

Shahrul Ezanee

KOTA KINABALU: Kakitangan Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan ekspedisi ke daerah Pensiangan dari 14 ke 18 Mei.

Ekspedisi ini, dianjurkan oleh Kelab Kembara di bawah Kelab Kakitangan Sekolah Perubatan, bertujuan untuk memberi fokus kepada penggalakan kesedaran kesihatan di kalangan penduduk di kawasan luar bandar.

"Ekspedisi ini sedikit berbeza daripada ekspedisi sebelum ini, dimana kami lebih memberi fokus kepada aspek ketahanan," Dekan Sekolah Perubatan UMS, Profesor Dr Osman Ali berkata di sini, baru-baru ini.

"Ini adalah kali pertama fakulti kami memberi fokus kepada kesedaran kesihatan, dengan kumpulan pakar perubatan kami membantu dari segi perubatan dan juga mendidik penduduk luar ban-

dar mengenai manfaat kesihatan," katanya.

Sekolah Perubatan banyak terlibat dalam program khidmat masyarakat untuk mendedahkan kakitangan dan pelajar dalam penggalakan kesihatan, katanya.

"Sepanjang ekspedisi lima hari itu kami akan mempromosi sekolah perubatan ini di tiga kampung berlainan, Kg Sansandukon, Kg Tinanduk dan Kg Pagalungan," tambahnya.

Pada masa sama kakitangan akan mengumpul data mengenai masalah kesihatan yang cenderung berlaku di kawasan tersebut, iaitu, sampel darah, rambut dan debu, untuk dibawa balik ke universiti bagi penganalisaan lanjut, kata Osman.

"Kami juga akan mengadakan ceramah kesihatan dengan topik mengenai makanan seimbang, merokok, dan kebersihan gigi," katanya.

Objektif utama ekspedisi ini adalah untuk mengumpul

specimen asal dari kawasan ini untuk tujuan pengajaran eprubatan dan program kesihatan akademik sekolah dan memberi pengalaman kepada kakitangan terutama juruteknik makmal dalam kerja lapangan.

"Seramai 24 kakitangan akademik dan sokongan akan menyertai ekspedisi tahun ini tidak termasuk 10 pemandu dan tiga pembantu," kata Osman.

Osman berkata jangkana bajet untuk ekspedisi ini adalah sekitar RM10,000.

Fakulti ini melakukan ekspedisi ini setiap tahun, sejak 2008, di serata Sabah dan Sarawak, iaitu, di Lembah Danum, Mulu dan Maliau Basin.

Turut hadir pada sidang akhbar itu adalah Timbalan Dekan Sekolah Perubatan Profesor Madya, Dr Shahril Yusof, Profesor Madya Dr D Kamarudin D Mudin dan Profesor Madya Dr Zainal Arifin Mustapha.